

# Penerapan nilai Islam tanpa undang2 — Dr. M

UM 20 NOV 1985

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Penerapan nilai Islam tanpa undang2 — PM

UM 20 NOV 1985

penuh tetapi kemudiannya keluar dengan mini skirt.

"Mereka juga lebih suka ke Bangkok dari Kuala Lumpur. Tak tahulah kenapa," ujarnya sambil terse-nyum.

Beliau menambah: "Kita harus tanya apa yang mereka sudah terap atau tidak ada peluang (untuk melakukan yang dilarang).

"Kalau tutup tidak boleh kata sudah baik. Ini kerana mereka tidak dapat. Sebaiknya, di manapun kita berada kita tidak buat yang dilarang oleh Islam."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata orang Islam di Malaysia terdedah kepada berbagai cabaran kerana masyarakat negara ini terdiri daripada rakyat berbi-

lang kaum dan agama.

Katanya, walaupun terdedah kepada cabaran - cabaran yang bertentangan dengan hukum agama ini tetapi tidak ramai orang Islam yang melakukannya.

"Kita tidak lihat ramai orang Islam di negara ini yang mabuk sampai tunggang - langgang," katanya.

Beliau menegaskan sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk adalah penting bagi orang - orang Islam menjaga imej agama.

Katanya, imej Islam akan terpelihara jika negara dapat diperintah dengan baik, tidak ada tekanan dan penindasan dan negara boleh dibangunkan dengan sempurna.

Sebagai contoh beliau menceritakan tentang beberapa kejadian yang jelas menunjukkan orang - orang dari negara Islam yang ketat menguatkuasakan peraturan agama tidak tahan melawan godaan sebaik sahaja melangkah ke luar negeri.

Katanya, ada wanita dari negara - negara berkenaan yang sebaik sahaja naik ke atas kapal terbang terus masuk ke dalam bilik air dengan pakaian bertutup

LIHAT MUKA 2

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak percaya kepada penerapan nilai Islam dengan undang-undang dan paksaan.

Sebaliknya cara yang berkesan ialah dengan membina umat Islam yang mempunyai ketahanan diri untuk menghadapi cabaran masyarakat majmuk dan bebas, tegasnya.

"Jenis manusia yang kita mahu ialah mereka yang kuat iman dan tidak melakukan maksiat dan sebagainya walaupun semua ini terdedah di depan mata.

"Ini kerana ketahanan diri adalah lebih kuat dari benteng undang-undang," kata Perdana Menteri.

## Tak tahan godaan

Beliau menegaskan jika seseorang itu cuma takut melakukan yang melanggar agama cuma kerana ada peraturan undang-undang, penerapan nilai-nilai Islam adalah tidak bermakna.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam ucapannya menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung UMNO selama tiga hari di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata kebelakangan ini ada yang membangkitkan apa maknanya penerapan nilai-nilai Islam sedangkan di negara ini ada judi, ada maksiat dan lain-lain.

Semua ini sudah ada sebelum kerajaan melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam, jelasnya.

"Mari kita lihat di negara yang 100 peratus Islam, peraturannya ketat, wanitanya bertutup dan sebagainya. Apakah mereka lebih baik?

"Sebenarnya tidak. Mereka tidak teruji. Bila teruji mereka gagal. Sebabnya nilai tidak ada dalam hati. Mereka hanya takut kepada undang - undang," katanya.